

TEKS CERITA DALAM PEDAGOGI HIKMAH (*Story Text Of (Wisdom) Pedagogy*)

* Inas Tasnim Binti Roslan¹, Hafizhah Zulkifli²

Submitted: 15-Jan-2024
Accepted: 05-Mar-2024
Revised: 27-Apr-2024
Published: 30-Jun-2024

*1&2Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: inastasnimroslan@gmail.com

Abstrak

Pelajar yang mempunyai kemahiran kognitif aras tinggi, kreatif dan kritis menjadi satu impian Kementerian Pendidikan Malaysia. Hal ini demikian kerana ia sudah menjadi satu keperluan yang perlu ada dalam diri setiap orang pelajar bagi mencapai kehendak pasaran global. Namun begitu, pencapaian pelajar Malaysia dalam PISA menunjukkan hal yang sebaliknya. Oleh itu, pelaksanaan program pedagogi Hikmah dan penggunaan bahan rangsangan teks cerita pedagogi Hikmah dalam pendidikan dapat membantu para guru dalam perkembangan daya pemikiran KBAT sekaligus mampu meningkatkan prestasi. Oleh itu, objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah untuk menjelaskan kepentingan teks cerita pedagogi Hikmah dalam kalangan GPI, menjelaskan ciri-ciri teks cerita Pedagogi Hikmah dan menyatakan cabaran pembinaan teks cerita pedagogi Hikmah dalam kalangan GPI. Metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkaitan tajuk adalah melalui kaedah analisis dokumen yang berkaitan seperti artikel kajian-kajian lepas, buku-buku berkaitan, dapatan temubual dan lain-lain. Kajian ini memberi manfaat kepada ramai pihak termasuk guru, pelajar, sekolah, KPM dan banyak lagi. Ia akan membantu ramai pihak untuk meningkatkan mutu pelajaran dan mengembangkan kaedah dan teori pengajaran yang sedia ada terutamanya dalam pemantapan KBAT.

Kata kunci: Teks Cerita, Pedagogi Hikmah, P4C

Abstract

Students who have high-level cognitive, creative and critical skills are a dream of the Malaysian Ministry of Education. This is because it has become a necessity in every student to achieve the demands of the global market. However, the achievement of Malaysian students in PISA shows the opposite. Therefore, the implementation of the Hikmah pedagogy program and the use of Hikmah pedagogic story text as a stimulus material in education can help teachers to develop student's KBAT thinking ability as well as being able to improve education performance. The objective of this study is to explain the importance of the Hikmah pedagogic story text in GPI circles, explaining the characteristics of Hikmah Pedagogy story texts and stating the challenges of Hikmah pedagogical story text construction in GPI circles. The research methodology used by the researcher in obtaining information related to the topic is through the method of analyzing related documents such as articles from previous studies, related books, interview findings and others. This study benefits many parties including teachers, students, schools, KPM and many more. It will help many parties to improve the quality of education and develop existing teaching methods and theories, especially in the strengthening of KBAT.

Keywords: Story Text, Wisdom Pedagogy, P4C

1.0 PENGENALAN

Sejak kebelakangan ini, laporan Programme for International Student Assessment (PISA) menunjukkan kedudukan Malaysia di tempat tercorot iaitu satu pertiga terendah di dunia berbanding negara-negara Asia yang lain seperti Vietnam dan Thailand. (Wan Mazwati, 2018). Terdapat banyak cabaran utama dalam memastikan pencapaian PISA dan KBAT pelajar berjaya direalisasikan kerana isu utama yang menjadi masalah masih belum dapat diselesaikan. Isu berkaitan kaedah pengajaran guru yang kurang mahir dalam menerapkan unsur KBAT dan murid yang tidak berupaya untuk berfikir dengan lebih kreatif dan aras tinggi terutamanya apabila ia terlibat mata pelajaran Pendidikan Islam. Hal ini berlaku kerana kebanyakan guru (Nurul Sakinah Aziz dan Hafizhah Zulkifli, 2021) lebih gemar menggunakan kaedah pengajaran yang berbentuk syarahan dan berpegang kepada konsep KBAT yang berbeza-beza.

Selain itu, isu berkenaan pengajaran berunsurkan KBAT khususnya bagi subjek Pendidikan Islam (Mohd Syaubari, 2020) menunjukkan guru Pendidikan Islam kurang mahir dalam memanfaatkan BBM dan menerapkan unsur KBAT dalam pengajaran. Mereka lebih cenderung untuk menggunakan buku teks dan kurang berminat untuk menerapkan unsur KBAT lebih-lebih lagi kepada golongan murid yang sederhana dan lemah.

Bagi menyelesaikan masalah ini, Rosnani Hashim, seorang pensyarah dari UIAM telah memperkenalkan satu pendekatan yang berbentuk falsafah dan pembelajaran berbentuk *student-centered* bagi menyelesaikan masalah ini. Pendekatan tersebut dikenali sebagai Pedagogi Hikmah. Pedagogi Hikmah ialah satu pendekatan pengajaran yang menekankan inkuiri falsafah yang berpandukan kemahiran berfikir kritis dan kreatif (Rosnani Hashim, 2022). Pedagogi Hikmah juga merupakan satu alat berfikir inkuiri falsafah yang dapat membantu mengasah kemahiran berfikir. Pelaksanaan Pedagogi Hikmah dan KBAT dapat mengembangkan daya pemikiran pelajar (Syahirah Jarawi & Hafizhah Zulkifli, 2020).

Menurut Rosnani Hashim et.al (2018), Pedagogi Hikmah merupakan satu cabang daripada sebuah program kemahiran berfikir yang diasaskan oleh Matthew Lipman dari New York yang diberi nama Philosophy for Children (P4C). Tujuannya adalah untuk membantu pelajar-pelajarnya di universiti untuk meningkatkan keupayaan mena'akul dan membuat pertimbangan yang rasional dan bijaksana bagi setiap situasi dan isu. Ia juga dapat membantu pelajar untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dengan penggunaan penyzoalan kritis dan kreatif semasa sesi perbincangan dan penyzoalan dilaksanakan. Walaubagaimanapun, kini kaedah ini telah digunakan untuk mengembangkan kemahiran sosial dan emosi pelajar.

2.0 TEKS CERITA DALAM PEDAGOGI HIKMAH

Pedagogi Hikmah merupakan salah satu kaedah pengajaran yang menggunakan pendekatan inkuiri falsafah. Ia akan menggalakkan pelajar untuk berfikir secara kritis dan kreatif berdasarkan bahan rangsangan yang disediakan oleh guru dan sebaliknya (Rosnani et.al, 2014).

Antara bahan rangsangan yang sering digunakan dalam program Pendidikan pedagogi Hikmah ialah teks cerita, bahan bergambar, soalan latihan pengukuhan dan sebagainya. Pelajar atau guru akan mengutarakan beberapa soalan perbincangan berdasarkan bahan rangsangan tersebut. Seterusnya pelajar dan guru akan membincangkan persoalan tersebut untuk mencari makna dan jawapan kepada setiap permasalahan. Berdasarkan kaedah ini, Rosnani Hashim (2017)

berkata bahawa ia dapat menggalakkan pelajar untuk mengasah kemahiran berfikir aras tinggi mereka dengan penyoalan yang kreatif dan kritis.

Oleh itu, penggunaan bahan rangsangan dalam pengajaran sangatlah penting untuk membantu pelajar mengasah kemahiran berfikir KBAT mereka. Justeru dalam penulisan kali ini, penulis akan membincangkan serba sedikit berkenaan dengan teks cerita sebagai bahan rangsangan dalam program pendidikan Pedagogi Hikmah.

2.0 KEPENTINGAN TEKS CERITA PEDAGOGI HIKMAH

Menurut Matthew Lipman (1988), matlamat program kemahiran berfikir P4C adalah untuk membantu kanak-kanak terutamanya pelajar untuk menjadi seorang individu yang lebih berfikir, lebih teliti, lebih bertimbang rasa dan lebih rasional. Manakala, program pedagogi Hikmah ini menggunakan matlamat P4C sebagai asas dan ditambah lagi dengan aplikasi memahami al-Quran dan Hadis untuk mendapatkan hikmah dalam hidup.

Oleh itu, salah satu cara yang boleh digunakan untuk mencapai matlamat tersebut adalah dengan menggunakan teks cerita hikmah sebagai sumber utama untuk membentuk pemikiran yang baik dan rasional. Menurut kamus dewan Edisi Empat (2016), cerita merupakan suatu karangan atau lakonan yang mengisahkan tentang sesuatu peristiwa (kejadian dll) sama ada ia rekaan semata atau betul-betul terjadi. Teks cerita yang digunakan hendaklah berbeza daripada teks cerita biasa kerana ia mempunyai keistimewaan dan kelebihannya yang tersendiri.

Antara kepentingan teks cerita pedagogi hikmah ke dalam diri pelajar ialah;

i- Dapat meningkatkan dan mengukuhkan keupayaan menaakul

Penggunaan teks cerita pedagogi hikmah dapat meningkatkan keupayaan menaakul pelajar iaitu dengan melatih dan mengasah kemahiran pelajar untuk memerhati, memahami dan berfikir secara bijaksana dalam kehidupan. Selain itu, pelajar yang mahir dalam keupayaan menaakul akan menjadi seorang individu yang lebih aktif dalam berfikir serta berkemampuan untuk menilai setiap perkara dengan nilai-nilai yang positif dalam kehidupan seharian.

Seterusnya, proses pengukuhan keupayaan menaakul ini dapat diterapkan apabila pelajar mula bertanya "kenapa". Rosnani (2022) menyatakan bahawa "Kenapa mempunyai dua fungsi utama iaitu untuk mencari penjelasan punca berlakunya sesuatu dan untuk menentukan tujuan. Oleh itu, melalui persoalan "kenapa", pelajar akan mula berfikir dan mencari maklumat dan fakta yang dapat menyokong pendapat mereka supaya jawapan yang diperlehi oleh mereka mencapai ekspektasi yang diinginkan. Melalui keupayaan menaakul ini, pelajar akan mencipta satu pengetahuan yang mendalam dan bermakna yang pada akhirnya akan membentuk individu yang dapat berfikir dengan lebih bijaksana.

ii- Dapat mengembangkan daya kreativiti

Perkembangan daya kreativiti dalam pedagogi hikmah merupakan salah satu aspek yang sangat penting dalam pendidikan dan hendaklah berjalan seiring dengan pemikiran kritis. Hal ini demikian kerana kedua-dua perkara ini akan dapat dipupuk secara langsung. Daya kreativiti merujuk kepada kemampuan pelajar untuk menghasilkan idea-idea baru yang inovatif dan kreatif dalam pelbagai bidang. Selain itu, hal ini juga dapat membantu pelajar untuk mengasah dan melatih kemampuan mereka untuk berfikir dengan rasional.

Bagi merealisasikan matlamat ini, guru hendaklah memberikan kebebasan kepada pelajar untuk meneroka, memberi pendapat dan mengutarakan pendapat dan pandangan. Hal ini demikian kerana ia akan dapat mencipta satu lingkungan yang saling menghargai dan menghormati kreativiti setiap pelajar.

Di samping itu, pelajar juga akan mendapat manfaat yang sangat besar daripada menyelelami kesan-kesan pena'kulan yang tidak sah kerana ia dapat mengembangkan kuasa imaginatifnya (Rosnani, 2020). Dengan menerapkan pedagogi hikmah dalam Pendidikan, ia dapat mendorong pelajar untuk menjadi seseorang yang berfikir dengan lebih kreatif dan kritis dengan cara yang positif dan pada akhirnya akan memberi manfaat kepada mereka dan masyarakat.

iii- Dapat membangunkan perkembangan personal dan interpersonal

Perkembangan personal dan interpersonal merupakan dua aspek yang saling berkait antara satu sama lain dan penting dalam proses pendidikan. Hal ini kerana perkembangan personal dan interpersonal ini berorientasikan kepada nilai kebijaksanaan, etika dan peribadi seorang individu (Hafizhah & Syahirah, 2021). Jika baik personal dan interpersonal mereka, maka baik keseluruhan peribadinya.

Melalui program pedagogi hikmah, ia akan membantu pelajar untuk menambahkan keyakinan diri, kematangan emosi dan kefahaman diri yang lebih komprehensif (Rosnani, 2022).

Hafizhah (2018) dan Rosnani (2022) di dalam penulisan turut menyatakan bahawa kedua-dua perkembangan ini akan mampu membentuk pelajar yang mempunyai peribadi yang baik seperti mempunyai sifat empati, bertolak ansur dan sebagainya. Tambah Rosnani (2022), lazimnya pembelajaran untuk berfikir dengan bermakna (falsafah) ini berlaku dalam proses perbincangan dan penelitian interpersonal. Hal ini akan menyebabkan pelajar akan mempunyai peningkatan dalam nilai kesensitifan, minat, kepercayaan dan kecondongan kepada orang lain.

Dengan adanya pelajar yang mempunyai hubungan personal dan interpersonal yang baik, mereka akan membangun menjadi seorang yang lebih harmonis dengan orang lain dan masyarakat.

iv- Dapat membina kefahaman tentang akhlak dan etika

Menurut Faridah Che Husain & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (t.thn), pendidikan merupakan satu cara untuk mengumpul maklumat ke dalam diri bagi membentuk bakat dan personaliti diri. Haji Abdullah Ishak (1995) berpendapat bahawa Pendidikan juga merupakan proses penyerapan ilmu pengetahuan dalam bentuk teori serta dibentuk dalam bentuk praktikal untuk membentuk peribadi dan watak diri.

Seperti yang diketahui, pedagogi Hikmah ini dinamakan hikmah kerana ia merangkumi kebijaksanaan, ilmu tentang tempat dan adab, pertimbangan yang baik, keupayaan tabii untuk memahami sesuatu perkara, kepercayaan dan tindakan yang bijak, ajaran para nabi dan keupayaan melihat kualiti dalaman dan perhubungan. Justeru itu, dapat difahami bahawa pelaksanaan program pedagogi hikmah khususnya dalam Pendidikan Islam merupakan satu usaha yang berterusan untuk menyampaikan ilmu dan penghayatan Islam berdasarkan penghayatan al-Quran dan as-Sunnah (Ghazali Darusalam, 2004). Namun begitu harus difahami bahawa terdapat sedikit perbezaan tentang pembentukan akhlak biasa dengan pembentukan akhlak pedagogi Hikmah. Hal ini demikian kerana, pedagogi Hikmah menekankan metod falsafah yang berkonsepkan inkuiri moral lebih daripada peraturan metod tertentu.

v- Dapat mengembangkan keupayaan mencari makna tersirat daripada pengalaman

Melalui program pedagogi Hikmah, pelajar berupaya untuk mengembangkan keupayaan untuk mencari makna tersirat dan hikmah daripada pengalaman mereka. Makna yang dapat ditemui melalui pemikiran berhikmah ialah keadilan atau tidak berat sebelah, keselarasan berfikir, kebolehan untuk memberi hujah bagi mempercayai sesuatu dan sebagainya. Ia akan menjadikan pelajar menjadi seorang yang lebih matang dan tenang dalam membuat keputusan.

2.1 Ciri- Ciri Teks Cerita Pedagogi Hikmah

Pedagogi Hikmah merupakan salah satu cabang daripada program kemahiran berfikir, *Philosophy for Children* (P4C) yang diasaskan oleh Lipman Matthew. Oleh itu, terdapat sedikit persamaan ciri-ciri teks yang digunakan dalam P4C dan pedagogi Hikmah. Menurut Lipman (1988), beliau menggunakan teks yang diambil khas dari novel tulisannya sebagai bahan rangsangan kepada kanak-kanak Ketika melaku kajian P4C. Menurutnya, teks hendaklah mempunyai ciri-ciri tertentu yang mengandungi sesuatu yang samar supaya dapat mencetuskan persoalan tentang konsep, idea dan isu yang terdapat di dalamnya.

Sehubungan dengan itu, perintis pedagogi Hikmah Rosnani Hashim (2022) telah mengambil inspirasi daripada Lipman Matthew dan menyesuaikannya dengan ciri-ciri teks cerita pedagogi Hikmah. Antara ciri-ciri tersebut ialah;

- a) Teks cerita yang dibina hendaklah berbentuk bermasalah. Sekiranya teks yang digunakan tidak kelihatan bermasalah, maka pelajar akan membaca dan menerima semua yang dibaca tanpa memikirkan masalah tersebut.
- b) Teks cerita hendaklah mempunyai kesamaran dan keraguan supaya pembaca terangsang untuk bertanya.
- c) Teks cerita yang digunakan mestilah mengandungi perkara yang tidak logic dan munasabah supaya pelajar akan bertanya, "Bagaimana ini boleh berlaku?"
- d) Teks cerita yang digunakan hendaklah mempunyai kekeliruan konseptual supaya pelajar dapat memberi pelbagai tafsiran yang bermakna dan pelbagai.

3.0 CABARAN PEMBINAAN TEKS CERITA PEDAGOGI HIKMAH

Penulisan merupakan satu kemahiran literasi yang menjadi medium penyampaian ilmu pengetahuan. Pengkaji perlu memberi perhatian sepenuhnya ketika membina teks cerita pedagogi hikmah supaya tujuan utama pedagogi hikmah dapat direalisasikan. Tambahan pula, kaedah pendidikan yang menggunakan teks cerita pedagogi hikmah ini merupakan satu teknik pendidikan yang masih baru di negara kita.

Oleh itu, dalam merealisasikan penulisan teks cerita pedagogi hikmah yang berkualiti, terdapat banyak aspek yang perlu diberi perhatian. Antaranya ialah;

i- Kesesuaian kata dan pemilihan bahasa

Menurut A.A. Milne (1992) buku kanak-kanak merupakan buku terbuka yang mengandungi cerita kanak-kanak yang dibaca sama ada dibaca oleh kanak-kanak

ataupun orang lain membacanya untuk mereka untuk memberi keseronokan dan pengetahuan kepada kanak-kanak. Oleh itu, penulis sastera kanak-kanak hendaklah menulis teks cerita dengan menggunakan kesesuaian kata dan pemilihan bahasa yang bersesuaian dengan peringkat umur kanak-kanak. Tujuannya adalah untuk memastikan jalan cerita yang ditulis tetap menarik dan membangkitkan minat murid untuk berfikir terutamanya untuk mewujudkan pembelajaran pedagogi hikmah.

ii- Kesesuaian tema

Molina S.Jihar (1984) berpendapat sastera kanak-kanak hendaklah merangkumi semua jenis penulisan kreatif dan imaginative yang dikhususkan untuk kanak-kanak supaya ia mudah dibaca dan dinilai oleh kanak-kanak. Penulis sastera kanak-kanak mestilah memilih tema dan mesej yang sesuai dengan perkembangan emosi dan intelektual kanak-kanak. Pemilihan tema yang tepat akan memberi ruang dan peluang kepada kanak-kanak untuk berfikir.

iii- Struktur naratif penceritaan

Penulis sastera kanak-kanak mestilah membina plot yang mudah difahami oleh kanak. Penulis hendaklah membina teks cerita yang merangkumi watak, konflik, klimaks dan nilai yang mudah difahami oleh kanak-kanak. Hal ini demikian kerana ia akan memudahkan kanak-kanak untuk berimajinasi dan berfikir. Seth Lerer (2000) berkata sastera kanak-kanak bukanlah sebuah sastera yang mudah untuk dihasilkan kerana terdapat banyak aspek yang perlu diceritakan. Antaranya ialah hendaklah mempunyai latar belakang yang berkait rapat dengan dunia mereka, pemilihan watak yang terhad dan sebagainya.

iv- Ilustrasi yang bersesuaian dengan cerita

Molly Bang (2003) menyatakan di dalam bukunya bahawa penggunaan ilustrasi sangat penting dalam memastikan bagaimana teks akan berinteraksi dengan pembaca. Oleh itu, penulis hendaklah memilih ilustrasi yang sesuai dengan jalan cerita supaya dapat memastikan keserasian teks jalan cerita tersebut.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen daripada penulisan kajian-kajian lepas yang berkaitan. Maklumat-maklumat yang diperolehi dikumpulkan melalui pembacaan jurnal, artikel, prosiding, tesis-tesis dan buku-buku yang dibekalkan kepada pengkaji ketika membuat pembacaan mengenai kajian ini. Kaedah ini membantu pengkaji untuk mengetahui tujuan, ciri-ciri dan cabaran pembinaan teks cerita pedagogi hikmah. Oleh itu, daripada analisis-analisis yang telah dijalankan secara tidak langsung telah membantu proses pengumpulan maklumat berkaitan dengan penulisan teks cerita dalam pedagogi hikmah.

5.0 CONTOH TEKS CERITA PEDAGOGI HIKMAH PENDIDIKAN ISLAM PRASEKOLAH

Bidang Aqidah

Tajuk 7 (Allah Maha Berkuasa)
"Magikanya Dunia"

Ali sangat suka menjelajahi taman di desanya. Setiap kali dia pergi ke taman, dia merasa seperti berada di tempat Ajaib. Ali duduk di bawah pokok yang rendah. Dia melihat langit yang biru.

Ali juga mendengar suara burung yang merdu. Ali melihat burung-burung yang mempunyai bulu-bulu yang berwarna-warni. Ali melihat bunga-bunga yang berwarna-warni. Dia merasa sangat tenang lalu berfikir siapakah yang menciptakan langit, pokok, burung dan alam ini.

Bidang Akhlak

Tajuk 8 (Hormat ahli Keluarga)

“Patung ob Patung”

Di sebuah desa, ada seorang kanak-kanak yang bernama Aisyah. Aisyah tinggal bersama ibu dan ayahnya.

Pada suatu hari, ayahnya ingin ke pasaraya. “Ayah! Nanti belikan patung beruang untuk Aisyah ya”. Pesan aisyah kepada ayahnya.

Tetapi, anak patung beruang sudah habis dijual dan ayahnya telah membeli patung arnab sebagai gantinya. Aisyah merajuk dan mengadu kepada cikgunya. Lalu cikgu berkata “Aisyah, ingatlah bahawa ayah dan ibu adalah hadiah daripada Allah”.

6.0 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, penggunaan teks cerita dalam pedagogi Hikmah sangat membantu pelajar untuk meningkatkan kemahiran kognitif dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini demikian kerana penerapan kemahiran berfikir aras tinggi, kreatif dan kritis adalah selaras dengan budaya pembelajaran masa kini. Tambahan lagi, program pedagogi Hikmah didapati bersesuaian dan bertepatan dengan konsep pembelajaran abad ke-21 yang menggalakkan murid meneroka dan menjayakan sesi pembelajaran.

Justeru itu, bagi menjayakan pelaksanaan pedagogi Hikmah dalam sesi pembelajaran, usaha, komitmen dan kesungguhan yang jitu pakar akademik dan guru amatlah diperlukan bagi memastikan kita dapat melahirkan pelajar yang berkebolehan dari segala aspek di samping mempunyai akhlak dan peribadi yang terpuji. Pihak yang berautoriti perlulah memastikan bahawa segala kemudahan dan keperluan semasa bagi pelaksanaan program pedagogi Hikmah ini seperti modul dan kursus-kursus berkaitan disediakan. Oleh itu, perkara ini sangatlah wajar dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia supaya impian untuk melahirkan bangsa yang memenuhi aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan tercapai dan berupaya untuk memenuhi keperluan pasaran global.

7.0 RUJUKAN

- Hafizhah Zulkifli & Rosnani Hashim. (2019). The Development of Questioning Skills through Hikmah (Wisdom) Pedagogy. *Creative Education*.
- Hin, K.K. (2020). PISA 2018 and Malaysia. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 2(3), 12-18.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Pencapaian Malaysia dalam PISA 2018.
- Khalid, Madihah, Rosnani Hashim, Wan Mazwati Wan Yusoff, Suhailah Hussein & Rosemaliza Kamaludeen. (2017). *Aplikasi Pendidikan Pedagogi Hikmah Bagi Kemahiran Abad ke-21 Di Sekolah-Sekolah Gombak: Kajian Bagi Subjek Sains dan Pendidikan Islam*. In Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Universiti Awam 2017, 13-15
- Mohd Syaubari Ohtman & Ahmad Yunus Kassim. (2017). Hubungan Pelaksanaan Komposisi Pembelajaran yang mengintegrasikan Kemahiran Berfikir aras Tinggi (KBAT) Dengan pencapaian Pendidikan Silam. *Journal of human Development and Communication*. 6, 113-128.
- Naji, S. & Rosnani Hashim. (2017). *History, Theory and Practice of Philosophy for Children*. Oxon: Routledge
- Nur Syahirah Jarawi & Hafizhah Zulkifli. (2020). *Pedagogi Hikmah dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pendidikan Islam*. Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education. 4(2), 90-102.
- Nurul Sakinah Aziz & Hafizhah Zulkifli. (2021). *Memahami Keperluan Pembinaan Modul Pedagogi Hikmah Pendidikan Islam Sekolah Menengah*. *International of Conference on Syariah & Law*, Online Conference. hlm 309-322. Diakses di: <http://conference.kuis.edu.my/iconsyal/images/eprosiding/1027.pdf> (1 Julai 2023)
- Robert Fisher. (2013). *Teaching Thinking: Philosophy Enquiry in The Classroom*. London: British Library
- Rosnani Hashim, Wan Mazwati Wan Yusoff, Suhailah Hussein, Madihah Khalid, Rosemaliza Kamaluddin. (2018). *Aplikasi Pedagogi Hikmah bagi Pengajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Abad ke-21*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 43(2), 37-47. Diakses di: https://www.researchgate.net/publication/329286895_Aplikasi_Pedagogi_Hikmah_bagi_Pengajaran_Bahasa_Malaysia_dan_Bahasa_Inggeris_Abad_ke-21_The_Application_of_the_Hikmah_Wisdom_Pedagogy_in_the_Teaching_of_Malay_and_English_Language_in_the_21st_Century (2 Julai 2023)
- Rosnani Hashim. (2017). *Revitalization of Philosophy and Philosophical Inquiry in Muslim Education: The Way Forward*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Rosnani Hashim. (2022). *Pedagogi Hikmah Bagi Kemahiran Insaniah: Panduan Untuk Pendidik*. Kuala Lumpur: Pusat Pengajaran Kemahiran Berfikir (CTT) Kuliyyah Pendidikan UIAM.
- Sara Stanley. (2012). *Why Think? Philosophical play from 3-11*. London: British Library.
- Trickey, S. & Topping, K.J. (2004). Philosophy for Children: A systematic Review. *Research Papers in Education*. 19(3), 365-380.
- Zaidon, S., & Ayob, A. (2013). Kemahiran Bahasa, Penjanaaan Idea Dan Penulisan Kanak-Kanak Prasekolah: Language Skills, Idea Generation and Writing of Kindergarten Children. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 2, 58–82. Diakses di <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/764> (10 Julai 2023)